



PRK KERUSI PARLIMEN PASCA PRU-14 DI SABAH: P186-SANDAKAN, P176-KIMANIS, P185-BATU SAPI DAN DARURAT

THE POST GE-14 PARLIAMENTARY SEAT BY-ELECTIONS IN SABAH: P186-SANDAKAN, P176-KIMANIS, P185-BATU SAPI AND THE EMERGENCY

Mohd Azri Ibrahim^{1*}, Romzi Ationg^{2*}, Mohd Sohaimi Esa^{3*}, Irma Wani Othman^{4*}, Saifulazry Mokhtar⁵ & Abang Mohd Razif Abang Muis⁶

¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mohdazri@ums.edu.my

² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mratong@ums.edu.my

³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: msohaimi@ums.edu.my

⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my

⁵ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: saifulazry@ums.edu.my

⁶ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: amrazif@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 15.03.2021

Published date: 30.04.2021

To cite this document:

Ibrahim, M. A., Ationg, R., Esa, M. S., Othman, I. R., Mokhtar, S., & Muis, A. M. R. A. (2021). PRK Kerusi Parlimen Pasca PRU-14 di Sabah: P186-Sandakan, P176-Kimanis, P185-Batu Sapi dan Darurat. International Journal of Law, Government and Communication, 6 (23), 200-214.

Abstrak:

Kertas kerja ini mengetengahkan perbincangan tentang pelaksanaan mahupun penangguhan Pilihanraya Kecil (PRK) di Sabah dalam era pasca Pilihanraya Umum ke-14 (PRU-14) dan kaitannya dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta darurat. Secara khusus, kertas kerja ini membincangkan secara mendalam pelaksanaan PRK di P186 Sandakan dan P176 Kimanis. Selain itu, kertas kerja ini juga membincangkan tentang penangguhan PRK bagi kerusi P185 Batu Sapi. Perbincangan berkaitan PRK ini didasarkan kepada hakikat bahawa usaha memahami latar belakang sesebuah kawasan pilihanraya adalah sangat penting dalam konteks perjalanan sesebuah pilihanraya umum. Ini bagi memastikan tahap pemahaman lebih menyeluruh tentang proses perjalanan pilihanraya, keputusan pilihanraya dan isu-isu yang berkaitan dengan pilihanraya tersebut. Justeru itu, adalah diharapkan supaya kertas kerja ini mampu memberi kefahaman kepada para pembaca tentang aspek tersebut.

DOI: 10.35631/IJLGC.6230014.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Kata Kunci:

Pilihanraya Kecil; Sabah; Sandakan; Kimanis; Batu Sapi; Darurat

Abstract:

This paper presents a discussion on the implementation as well as suspension of By-Election (PRK) in Sabah in the post-14th General Election (GE-14) era and its relation to the execution of Movement Control Order (MCO) and emergency. Specifically, this paper discusses profoundly the implementation of by-elections for P186 Sandakan and P176 Kimanis. Apart from that, this paper also discusses the deferment of a by-election for the P185 Batu Sapi seat. The discussion of the by-elections generally based on the fact that view that understanding the background of each constituency is vital in the context of general election progression. Such a move is relevant in ensuring a clear understanding of the process, results, and issues relating to the related elections. Therefore, it is hoped that this paper provides the readers an opportunity for a clear understanding of these aspects.

Keywords:

By-Election; Sabah; Sandakan; Kimanis; Batu Sapi; Emergency

Pengenalan

Kerusi Parlimen di Sabah mempunyai sebanyak 25 kerusi dan salah satu daripadanya ialah P186 Sandakan iaitu kawasan yang terletak di Pantai Timur Sabah. Kerusi P186 Sandakan pula hanya mempunyai dua kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu N45 Elopura dan N46 Tanjung Papat. Kedudukan Sandakan yang merupakan antara kawasan bandar dan pesat membangun di Sabah menyebabkan Sandakan dipenghuni oleh masyarakat yang pelbagai kaum seperti Cina, Melayu, Kadazan, Bajau dan lain-lain, tetapi masyarakat Cina adalah penduduk yang majoriti di Sandakan. Kerusi P176 Parlimen Kimanis merangkumi dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Membakut dan Bongawan manakala kerusi P185 Batu Sapi juga mempunyai 2 kerusi Deewan Undangan Negeri iaitu Sekong dan Karamunting. Kedua-dua kerusi parlimen ini dimenangi oleh dua parti yang berbeza iaitu Barisan Nasional iaitu UMNO di Kimanis dan Warisan di kerusi parlimen Batu Sapi. Parlimen Kimanis terletak di sebelah selatan daerah Papar, dan kawasan pedalaman di daerah Beaufort. Oleh itu, Kimanis mempunyai pentadbiran yang terletak dalam dua daerah berbeza iaitu Beaufort dan Papar. Kawasan pekan Kimanis dan Bongawan akan berurus di Pejabat Daerah Papar manakala kawasan pekan Membakut pula akan berurus di Pejabat Daerah Beaufort. Secara umumnya keputusan PRU 14 bagi kerusi parlimen telah menunjukkan parti Barisan Nasional berjaya memenangi sebanyak 10 kerusi dan parti Warisan 8 kerusi, PKR 3 kerusi, DAP 3 kerusi dan Star hanya 1 kerusi (www.spr.com.my).

Kajian yang melibatkan pola pengundian dan tingkah laku pengundi dalam pilihanraya adalah sesuatu yang penting dan signifaikan. Bowman dan Boynton (1974) antara sarjana yang memberi pandangan terhadap tingkah laku pengundi dalam konteks perlaksanaan polisi awam untuk kepentingan masyarakat atau rakyat. Manakala Riley (1988) pula berpendapat bahawa kuasa yang diperolehi oleh pemerintah atau kerajaan menerusi pilihanraya adalah cerminan pola pengundian pengundi semasa pilihanraya. Oleh itu adalah penting pola pengundi pengundi dan isu-isu yang mempenagruhi pengundian sesuatu yang perlu dikaji dan dianalisis. Maka kajian terhadap PRK di Sabah yang melibatkan beberapa kerusi parlimen adalah penting dalam

konteks tingkah laku pengundian semasa proses pilihanraya. Pilihanraya Kecil dalam kajian ini merujuk kepada pilihanraya yang dijalankan secara khusus samada di peringkat parlimen mahupun DUN apabila berlaku kekosongan berikutan pelbagai sebab seperti kematian wakil di kawasan (Dewan Masyarakat, 2018; 2008; Bowman & Boynton, 1974; Rizal & Jumaat, 2002; Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 2014).

Latar Belakang PRU P186 Sandakan

Memahami latar belakang sesebuah kawasan pilihanraya adalah sangat penting dalam konteks perjalanan sesebuah pilihanraya umum. Ini bagi memastikan tahap pemahaman lebih menyeluruh terutamanya berdasarkan kepada aspek perjalanan pilihanraya, keputusan pilihanraya dan isu-isu yang berkaitan dengan pilihanraya tersebut. Penulisan berikutnya adalah akan tertumpu kepada latar belakang secara ringkas terhadap keputusan pilihanraya bagi kerusi Parlimen P186 Sandakan menerusi beberapa pilihanraya umum seperti PRU ke 12, PRU ke 13 dan PRU ke 14. Pada masa yang sama juga PRU ke 10 dan PRU ke 11 akan dikaitkan secara ringkas terutamanya yang melibatkan calon dan parti politik yang bertanding dalam pilihanraya tersebut. Hal ini adalah sangat penting dan bermanfaat sebelum membaca memahami perjalanan dan keputusan PRK Sandakan 11 pada Mei 2019 (Ationg, Ibrahim, Esa & Layapan, 2020).

Berdasarkan Jadual 1 di bawah adalah jelas menunjukkan perbandingan keputusan pilihanraya umum kerusi Parlimen P186 Sandakan menerusi PRU ke 12, PRU ke 13 dan PRU ke 14. Kerusi Parlimen ini adalah secara konsisten menunjukkan bahawa majoriti pengundi adalah terdiri dari etnik berbangsa Cina. Oleh itu secara konsisten juga memperlihatkan setiap pilihanraya umum yang diadakan, semua calon yang bertanding adalah terdiri dari etnik Cina. Hal yang sama juga dapat dilihatkan berdasarkan pertandingan di peringkat DUN di N45 Elopura dan N46 Tanjong Papat.

Jadual 1: Perbandingan Keputusan Pilihanraya Umum Bagi Kerusi Parlimen P186 Sandakan

KEPUTUSAN PRU 12, PRU 13 & PRU 14		
P186 SANDAKAN (N45 – ELOPURA; N46 TANJONG PAPAT)		
PRU 12 (2008)	PRU 13 (2013)	PRU 14 (2018)
32,874	37,058	39,777
1. Liew Vui Keong (BN) 8,297 2. Chong Chu Lin (DAP) 8,121 3. Fong Vun Fui (Bebas) 2,929 <ul style="list-style-type: none"> ● Majoriti: 176 ● Turnout: 20,048 (61%) 	1. Wong Tien Fatt (DAP) 14 26 2. Liew Vui Keong (BN) 13 138 <ul style="list-style-type: none"> ● Majoriti: 1,088 ● Turnout: 27,889 (75.3%) 	1. Wong Tien Fatt (DAP) 19,094 2. Liew Vui Keong (BN) 8,998 <ul style="list-style-type: none"> ● Majoriti: 10,096 ● Turnout 28,592 (71.88%)

Sumber: www.undi.info.com.my

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Secara ringkas Jadual 1 menunjukkan kejayaan parti DAP menerusi calonnya Wong Tien Fatt memenangi pilihanraya umum bagi kerusi Parlimen P186 Sandakan pada PRU ke 13 dan PRU ke 14 dengan mengalahkan calon daripada parti Barisan Nasional. Kejayaan paling bermakna adalah pada PRU ke 14 apabila calon DAP memenangi pilihanraya tersebut dengan majoriti yang sangat besar iaitu sebanyak 10,096 undi berbanding dengan kemenangan pada PRU sebelumnya dengan hanya majoriti sebanyak 1,088 undi sahaja. Kejayaan parti DAP ini adalah setelah kekalahannya pada PRU ke 12 menerusi pertandingan 3 penjuru antara DAP, BN dan calon Bebas. Barisan Nasional menerusi calon parti komponennya LDP iaitu Liew Vui Keong telah berjaya memenangi PRU ke 12 tersebut dengan majoriti sebanyak 176 undi sahaja.

Berdasarkan latar belakang PRU di kerusi P186 telah memperlihatkan seorang calon Bebas telah berjaya memenangi kerusi ini pada PRU ke 11 iaitu pada tahun 2004. Calon Bebas iaitu Chong Hon Min telah berjaya memperolehi undi sebanyak 9,538 berbanding calon Barisan Nasional (LDP) Liew Vui Keong yang memperolehi undi sebanyak 8,208 serta calon parti Pasok iaitu Liew Teck Khen yang hanya memperolehi undi sebanyak 543. Ini bermakna calon Bebas tersebut telah berjaya memenangi kerusi P186 Sandakan dengan majoriti 1,130 undi. Kejayaan calon Bebas ini adalah mengejutkan kerana pada PRU sebelumnya iaitu PRU ke 10 (1999) yang memperlihatkan calon parti Barisan Nasional iaitu Lau Ngan Siew berjaya mengalahkan calon parti PBS iaitu Sak Cheong Yu dengan majoriti 2,972 undi (spr.com.my).

Huraian di atas secara jelas menunjukkan bahawa latar belakang pilihanraya umum P186 adalah merupakan kerusi kawasan bandar yang majoriti penduduk dan pengundinya adalah kaum Cina. Hal ini juga secara jelas memperlihatkan persaingan dalam pilihanraya bagi kawasan ini adalah di antara parti-parti politik yang berteraskan kepada kaum Cina seperti parti DAP dan LDP. Menerusi pemahaman latar belakang PRU ini juga telah membuktikan bahawa parti PBS iaitu parti politik yang berpaksikan pelbagai etnik terutamanya Bumiputera di Sabah telah bertanding menentang parti BN pada PRU tahun 1999 iaitu sebelum PBS menyertaikan parti Barisan Nasional. Ini menunjukkan bahawa bukan sesuatu yang asing apabila PBS bertanding dalam PRK P186 Sandakan pada 2019 dengan menentang parti DAP dan calon Bebas.

Latar Belakang PRU: Kerusi P176 Kimanis dan Kerusi P185 Batu Sapi

Kedudukan kerusi parlimen Kimanis dalam sejarah pilihanraya di Sabah telah memperlihatkan tahap sokongan dan pengaruh parti Barisan Nasional iaitu UMNO mendapat sokongan dan pilihan pengundi terutamanya dalam tiga PRU terakhir. Bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan data dan anasisis berkaitan dengan PRU di Kimanis, Jadual 1 di bawah dapat memberikan pengetahuan dan penjelasan berkaitan dengan latar belakang PRU tersebut.

Jadual 2: Perbandingan Keputusan Pilihanraya Umum Bagi Kerusi Parliment P176 Kimanis

KEPUTUSAN PRU 12, PRU 13 & PRU 14		
P176 KIMANIS		
PRU 12 (2008)	PRU 13 (2013)	PRU 14 (2018)
22,239	26,628	29,942
1. ANIFAH AMAN (BN) 10,242 2. JAAFAR ISMAIL (BEBAS) 4,789 3. ISMAIL BONGSU (PKR) 1,615 4. BENJAMIN BASINTA (BEBAS) 205 • Majoriti: 5,453	1. ANIFAH AMAN (BN) 13,754 2. JAAFAR ISMAIL (PKR) 8,031 3. JAMIL WILLIAM CORE (SAPP) 650 4. LUSIN BALANGAN (STAR) 240 • Majoriti: 5,723	1. ANIFAH AMAN (BN) 11,942 2. KARIM BUJANG (WARISAN) 11,786 3. JAAFAR ISMAIL (PHRS) 1,300 • Majoriti: 156

Sumber: www.undi.info.com.my; Dewan Masyarakat (2018)

Berdasarkan Jadual 2 di atas menunjukkan keputusan PRU 12, PRU 13 dan PRU 14 bagi kerusi parliment P176 Kimanis dan secara jelas ianya menunjukkan bahawa keputusan bagi ketiga-tiga PRU yang terakhir kejayaan parti BN berjaya memenanginya dengan majoriti melebihi 5 ribu undi pada PRU 12 dan PRU 13 tetapi majoriti yang dimenangi oleh BN pada PRU 14 adalah merosot hanya dengan 156 undi sahaja. Secara umumnya kerusi P176 Kimanis adalah antara kubu kuat parti BN dan ditambah lagi dengan kedudukan serta pengaruh tokoh atau calon BN itu sendiri iaitu Anifah Aman (sinar harian.com).

Jadual 3: Keputusan PRU 13 DAN PRU 14, P186 Batu Sapi

KEPUTUSAN PRU 13 & PRU 14		
P185 BATU SAPI		
PRU 13 & PRU 14	PILIHANRAYA UMUM KE-13 (2013)	PILIHANRAYA UMUM KE-14 (2018)
JUMLAH PENGUNDI	30,199	32,574
KEPUTUSA N	1. TSEN THAU LIN (PBS) 13,085 2. HAMZA BIN ABDULLAH (PAS) 9,289	1. LIEW VUI KEONG (WARISAN) 12,976

	<p>3. SAIRUL BAHARIL RASHADA BIN AHMAD (STAR) 410</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Majoriti: 3,798 	<p>2. TSEN THAU LIN (PBS) 8,357</p> <p>3. HAMZA ABDULLAH (AMANAH) 980</p> <p>4. NORSAH BONGSU (PAS) 948</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Majoriti: 4,619
--	---	---

Sumber: www.undi.info.com.my; www.spr.com.my

Jadual 3 di atas menunjukkan keputusan PRU 13 dan PRU 14 yang melibatkan kerusi parlimen P185 Batu Sapi. Bagi PRU 13 pada tahun 2013, kerusi parlimen Batu Sapi telah berjaya dimenangi oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) apabila calonnya Thsen Thau Lin berjaya memperolehi undi sebanyak 13,085 undi dengan mengalahkan dua calon lain iaitu Hamza Abdullah (PAS) dan Sairul Bahril Rshada (STAR) dengan majoriti 3,798 undi. Manakala bagi PRU 14 pada tahun 2018 pula calon parti Warisan iaitu Liew Vui Keong berjaya memperolehi undi sebanyak 12,976 dengan mengalahkan 3 calon lain iaitu Thsen Thau Lin (PBS) yang juga merupakan penyandang kerusi, Hamza Abdullah (AMANAH) dan Norsah Bongsu (PAS) dengan majoriti 4,619 undi. Berdasarkan kepada kedua-dua PRU tersebut, secara umum dapat dijelaskan bahawa sokongan pengundi di Batu Sapi berubah daripada parti PBS/BN pada tahun 2013 kepada parti Warisan/PH pada tahun 2018. Hal ini menunjukkan PRK yang akan diadakan selepas tamat proklamasi darurat pasti memperlihatkan persaingan yang sengit antara parti-parti yang bakal bertanding terutamanya sokongan pengundi bumiputera bukan Isalam di parlimen Batu Sapi (spr.com; laporan pilihanraya spr).

PRK P186 Sandakan

PRU 14 telah melalui tirainya dengan sejarah tercipta di Malaysia apabila gabungan parti-parti politik pembangkang iaitu Pakatan Harapan telah berjaya menewaskan parti Barisan Nasional yang menjadi pemerintah sejak negara mencapai kemerdekaan. Selepas PRU 14, arena politik negara telah diwarnai dengan beberapa pilihanraya kecil rentetan berlakunya kematian wakil rakyat, perletakan jawatan dan keputusan mahkamah. Sebagai contoh PRK peringkat DUN seperti di Sungai Kandis, Balakong, Semenyih manakala di peringkat parlimen pula menyaksikan kerusi parlimen di Cameron Highland, Port Dickson dan Sandakan. PRK P186 Sandakan merupakan pilihanraya kecil yang kelapan telah diadakan sejak PRU 14 dan PRK di Sungai Kandis pula merupakan PRK pertama selepas PRU ke 14.

Pada tanggal 28 Mac 2019, ahli Parlimen Sandakan iaitu Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyut Foh telah meninggal dunia Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu akibat serangan jantung. Kekosongan kerusi parlimen Sandakan akan diisi oleh wakil rakyat baru menerusi pilihanraya kecil. Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah menetapkan Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi Parlimen Sandakan akan diadakan pada 11 Mei 2019 selepas proses penamaan calon selesai pada 27 April 2019. PRK Sandakan ini melibatkan pertandingan 5 penjurul iaitu DAP, PBS dan tiga calon bebas. Secara umum, PRK Sandakan ini akan melibatkan seramai 40,131 pemilih dan 50.52% daripadanya adalah pemilih wanita manakala dari segi tahap umur pula majoriti pengundi iaitu 38.07% adalah pengundi dewasa iaitu antara umur 40 – 59 tahun dan diikuti oleh pengundi belia iaitu seramai 36.89% (berita.harian.com).

PRK Sandakan diadakah selepas dua PRK peringkat kerusi Parlimen diadakan iaitu di Cameron Highland, Pahang dan Port Dickson, Negeri Sembilan. Kedua-dua PRK kerusi parlimen ini menyaksikan parti politik penyandang telah berjaya memenangi pilihanraya tersebut. Barisan Nasional berjaya mengekalkan kemenangan di Cameron Highland dan PKR (Pakatan Harapan) pula berjaya memenangi di Port Dickson manakala DAP (Pakatan Harapan) pula berjaya memenangi PRK di P186 Sandakan, Sabah. Ketiga-tiga PRK kerusi Parlimen yang diadakan ini telah menyaksikan faktor PRK yang berbeza-beza iaitu di Port Dickson adalah disebabkan oleh wakil rakyat yang meletakkan jawatan sebagai ahli Parlimen manakala bagi kerusi Parlimen Cameron Highland pula adalah disebabkan mahkamah yang membatalkaan keputusan pilihnnaraya umum bagi kerusi tersebut serta kerusi Parlimen Sandakan pula adalah disebabkan wakil rakyat yang meninggal dunia.

Jadual 4: Keputusan Pilihanraya Kecil & PRU Ke-14 Kerusi Parlimen P186 Sandakan

KEPUTUSAN PRK SANDAKAN & PRU 14		
P186 SANDAKAN (N45 – ELOPURA; N46 TANJONG PAPAT)		
PRK & PRU 14	PILIHANRAYA KECIL (2019)	PILIHANRAYA UMUM KE- 14 (2018)
JUMLAH PENGUNDI	40,131	39,777
KEPUTUSA N	<ol style="list-style-type: none"> 1. Linda Tsean (PBS) 4,491 2. Vivian Wong (PH-DAP) 16,012 3. Hamzah Abdullah (Bebas) 788 4. Sulaiman Abdul Samat (Bebas) 126 5. Chia Siew Yung (Bebas) 178 <ul style="list-style-type: none"> ● Majoriti: 11,521 ● Turnout: 21,595 (54.44%) 	<ol style="list-style-type: none"> 4. Wong Tien Fatt (DAP) 19,094 5. Liew Vui Keong (BN) 8,998 <ul style="list-style-type: none"> ● Majoriti: 10,096 ● Turnout 28,592 (71.88%)

Sumber: www.undi.info.com.my & www.spr.com.my

Berdasarkan Jadual 4 di atas secara jelas menunjukkan keputusan pilihanraya kecil dan perbandingan keputusan pilihanraya umum ke-14 bagi kerusi Parlimen P186 Sandakan. Momentun kemenangan parti Barisan Nasional bagi PRK kerusi DUN Semenyih dan Rantau telah berjaya dinafikan oleh parti Pakatan Harapan menerusi parti komponennya DAP di PRK kerusi parlimen P186 Sandakan. Pada pilihanraya kecil (PRK) yang diadakan pada 11 Mei 2019, parti DAP telah berjaya memenangi PRK tersebut dengan majoriti yang lebih besar berbanding PRU ke-14. Calon DAP iaitu Vivian Wong yang juga merupakan anak kepada mendiang Datuk Wong Tien Fatt telah berjaya memperolehi undi sebanyak 16,012 undi dan berjaya mengalahkan calon parti PBS Linda Tsean yang memperolehi undi hanya 4,491 undi

serta tiga calon Bebas lain. Keputusan PRK ini menunjukkan sokongan yang jitu terhadap parti DAP di Sandakan terutamanya daripada pengundi Cina. Keputusan ini juga memberi gambaran yang jelas bahawa bahawa PBS dan calon-calon Bebas adalah bukan saingan yang sengit kepada parti DAP di Sandakan. Secara umumnya seramai 21,595 pengundi telah keluar mengundi iaitu 54.44% dan undi rosak pula adalah sebanyak 234 undi. Walaupun berlaku pengurangan jumlah keluar mengundi iaitu sebanyak 17.44% berbanding PRU ke-14 tetapi tahap sokongan kepada parti DAP adalah sangat jelas.

Kemenangan DAP ini adalah sesuatu yang sudah dijangka memandangkan pengaruh dan kedudukan parti DAP di Sandakan yang begitu baik. Hal ini juga diperkuatkan lagi dengan kedudukan parti DAP sebagai sebahagian daripada komponen parti pemerintah baik di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri. Pada masa yang sama juga status calon DAP yang merupakan anak kepada mendiang Datuk Wong Tien Fatt turut menyumbang kepada kemenangan besar parti DAP. Pengaruh dan sumbangan serta khidmat bakti Datuk Wong selama 2 penggal sebagai ahli parlimen Sandakan serta jawatannya dalam pentadbiran negeri Sabah menjadikan mendiang Datuk Wong sangat dikenali. Secara umumnya faktor parti DAP dan sumbangan serta khidmat bakti Datuk Wong di Sandakan sangat mempengaruhi kemenangan besar Vivian dalam PRK ini. Menurut Pengurus UMNO Sabah, Datuk Bung Moktar menjelaskan bahawa kemenangan DAP telah dijangka dan kerusi Parlimen Sandakan merupakan kubu kuat DAP. Pola pengundi Cina di kawasan bandar menunjukkan tren yang positif terhadap parti DAP terutamaya dalam PRU dan pilihanraya kecil yang melibatkan kawasan bandar (Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad, 2002).

Kejayaan besar DAP di PRK P186 Sandakan juga didorong oleh ketiadaan parti pembangkang yang kuat untuk menentang DAP yang diketahui mempunyai pengaruh dan sokongan yang kuat di Sandakan. Parti Bersatu Sabah (PBS) yang meletakkan calonnya Linda Tsien yang merupakan bekas ahli parlimen Batu Sapi dilihat tidak mampu untuk menyaingi pengaruh parti DAP di Sandakan. Pengaruh PBS di Sandakan adalah kurang menonjol terutamanya kepada pengundi Cina dan Melayu. Kali terakhir PBS bertanding di Parlimen Sandakan ialah dalam PRU tahun 1999 sebagai parti pembangkang menentang parti BN tetapi calonnya tewas. Ketiadaan calon LDP untuk bertanding dalam PRK Sandakan ini juga menunjukkan ketidaksepakatan parti-parti pembangkang untuk menentang parti DAP atau Pakatan Harapan. Perpecahan parti Barisan Nasional terutamanya UMNO di Sabah juga telah menyumbang tahap sokongan pengundi Melayu kepada parti DAP di Sandakan. Hal ini menyebabkan beberapa PDM yang majoritinya pengundi Melayu beralih sokongan kepada parti DAP atau Pakatan Harapan seperti PDM Sim Sim dan Pulau Berhala. Malah kedua-dua PDM ini juga menjadi tumpuan kempen bagi parti UMNO dan PAS. Menurut Datuk Maxsimus Ongkili yang merupakan Presiden PBS, walaupun keputusan tidak terlalu memberangsangkan buat partinya tetapi ia menunjukkan PBS bertanding dengan baik, tetapi akhirnya, kami tidak dapat mengatasi kekuatan yang kami hadapi daripada parti DAP atau Pakatan Harapan.

Sokongan dan dokongan tokoh-tokoh politik di peringkat pusat dan negeri juga dilihat sebagai antara faktor kemenangan parti DAP di Sandakan. Kehadiran pemimpin-pemimpin politik utama dalam Pakatan Harapan semasa tempoh berkempen telah memberi lonjatan sokongan yang lebih baik kepada parti DAP yang bertanding di PRK Sandakan. Kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Ketua Menteri Sabah yang juga Presiden Parti Warisan Sabah (WARISAN), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu; Menteri Kewangan yang juga Setiusaha Agong DAP, Lim Guan Eng serta penasihat DAP

Pusat iaitu Lim Kit Siang dilihat sangat positif dan signifikan bagi meraih sokongan pengundi terhadap parti DAP/Pakatan Harapan di Sandakan. Sebagai contoh kehadiran Datuk Seri Shafiee Apdal yang berkempen di kawasan majoriti bumiputera Islam telah berjaya meraih sokongan pengundi dan seterusnya memperlihatkan juga sokongan rakyat terhadap kerjaaan negeri di bawah pimpinannya menerusi parti Warisan.

Sokongan untuk pembangunan yang mampan dan berterusan antara isu dan bahan kempen dalam PRK Sandakan terutamanya oleh parti pemerintah iaitu DAP /Pakatan Harapan. Menurut Lim Guan Eng, pembangunan yang berpaksikan rakyat akan menjadikan ekonomi Sandakan akan lebih dinamik. Pelbagai projek pembangunan yang sedang dan dalam perancangan akan dilakukan di Sandakan dan ini mampu memberi limpahan ekonomi yang baik kepada masyarakat di Sandakan secara khususnya dan Sabah secara umumnya. Sebagai contoh projek pembangunan yang berskala besar ialah pembesaran Lapangan Terbang Sandakan yang berjumlah RM80 juta dan tebatan banjir Sungai Anip yang bernilai RM40 juta. Kejayaan pembagunan ekonomi juga seharusnya selari dengan usaha pembasmian gejala rasuah dan kronisme. Oleh itu, kempen terhadap isu-isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa juga mendapat tempat dalam PRK Sandakan ini terutamanya isu yang berkaitan dengan 1MDB dan Felda sebagai contoh.

Parti pembangkang dan calon-calon bebas juga berusaha menyakinkan pengundi bagi meraih sokongan dalam PRK Sandakan kali ini. Parti PBS yang dibantu beberapa parti politik pembangkang lain seperti UMNO, PAS, SAPP dan USNO menggerakkan jentera kempen masing-masing bagi mendapatkan sokongan pengundi. Beberapa isu penting akan menjadi bahan kempen PBS seperti Perjanjian Malaysia 1963, isu harga minyak kelapa sawit, isu keselamatan, isu pembangunan dan isu ekonomi yang melibatkan taraf hidup rakyat secara khususnya. Walaupun blok pembangkang menerusi calon PBS telah berusaha semasa kempen tetapi ianya masih belum mampu menyekat kemaraan dan kemenangan besar parti DAP.

PRK P176 Kimanis: Keputusan, Isu dan Sentimen Pengundian

Huraian di bawah menjelaskan hal-hal yang berkaitan dengan keputusan PRK di parlimen P176 Kimanis, isu-isu yang dibangkitkan oleh calon atau parti yang bertanding serta sentimen-sentimen terhadap pengundi yang boleh mempengaruhi pola undian mereka.

Jadual 5: Keputusan Pilihanraya Kecil Parlimen P76 Kimanis

P176 KIMANIS		KEPUTUSAN PRK KIMANIS & PRU 14
PRK & PRU 14	PILIHANRAYA KECIL (2020)	PILIHANRAYA UMUM KE- 14 (2018)
JUMLAH PENGUNDI	40,131	29,942
KEPUTUSA N	1. MOHAMMAD BIN ALIMIN (BN) 12,706 2. KARIM BUJANG (WARISAN) 10,677	1. ANIFAH AMAN (BN) 11,942

	<ul style="list-style-type: none"> ● Majoriti: 2,029 ● Peratusan Mengundi: 79.92% 	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">2. KARIM (WARISAN)</td><td style="width: 50%;">BUJANG</td></tr> <tr> <td>11,786</td><td></td></tr> <tr> <td>3. JAAFAR ISMAIL (PHRS)</td><td></td></tr> <tr> <td>1.300</td><td></td></tr> <tr> <td colspan="2"> </td></tr> <tr> <td>● Majoriti: 156</td><td></td></tr> <tr> <td>● Peratusan Mengundi: xxx%</td><td></td></tr> </table>	2. KARIM (WARISAN)	BUJANG	11,786		3. JAAFAR ISMAIL (PHRS)		1.300		 		● Majoriti: 156		● Peratusan Mengundi: xxx%	
2. KARIM (WARISAN)	BUJANG															
11,786																
3. JAAFAR ISMAIL (PHRS)																
1.300																
● Majoriti: 156																
● Peratusan Mengundi: xxx%																

Sumber: www.undi.info.com.my; www.spr.com.my

Jadual 5 di atas menunjukkan keputusan PRK bagi kerusi parlimen P176 Kimanis. Keputusan tersebut sekali lagi membuktikan tahap sokongan dan pengaruh parti BN/UMNO masih mendapat dokongan pengundi apabila calon UMNO iaitu Mohammad Bin Alimin berjaya mengalahkan calon parti Warisan iaitu Karim Bujang dengan majoriti 2,029 undi. Keputusan ini menunjukkan tahap sokongan dan majoriti yang diperolehi oleh parti UMNO lebih baik berbanding PRU 14 apabila parti UMNO hanya menang dengan majoriti yang sangat tipis iaitu hanya 156 undi sahaja. Manakala dari segi bilangan undi yang diperolehi oleh Mohammad Alimin juga menunjukkan pertambahan berbanding undi yang diperolehi oleh Anifah Aman pada PRU 14 iaitu pertambahan sebanyak 765 undi manakala undi yang diperolehi oleh Karim Bujang pula berkurangan berbanding PRU 14 iaitu sebanyak 1,109 undi. Keputusan ini secara jelas menunjukkan sokongan, dokongan dan pengaruh parti UMNO di Sabah terutamanya di Kimanis adalah masih relevan dan tinggi.

Setiap kali adanya PRK, pasti semua pihak akan tertumpu kepada isu-isu yang dibangkitkan semasa kempen pilihanraya tersebut. Isu-isu pilihanraya di Kimanis adalah penting kepada calon atau parti serta pengundi bagi mempengaruhi sokongan dan undian. Oleh itu, PRK Kimanis dilihat mempunyai isu-isu yang penting untuk dianalisis dan dibincangkan terutamanya isu yang berkaitan dengan isu tempatan.

Isu tempatan dan kenegerian di Kimanis telah mendapat tempat dipentas ceramah dan kempen bagi calon dan parti politik yang bertanding. Isu-isu seperti Pas Semestara Sabah (PSS), pembangunan, kemudahan infrastruktur dan kos sara hidup antara isu yang mendapat perhatian ketika kempen PRK Kimanis ini. Isu PSS antara isu besar dan penting kepada masyarakat Sabah kerana ianya berkaitan dengan soal kerakyatan, kewarganegaraan, kedaulatan dan hak rakyat Sabah. Isu ini telah digunakan sepenuhnya terutamanya parti UMNO yang berkempen menentang PSS yang dicadangkan dilaksanakan pada 1 Jun 2020 oleh kerajaan pimpinan Pakatan Harapan dan ianya melibatkan juga parti Warisan yang merupakan sebahagian dalam kerajaan Pakatan Harapan dan sebagai pimpinan di peringkat negeri Sabah. Walaupun pimpinan negeri dan pusat terutamanya pemimpinan di Sabah cuba memberi penerangan dan latar belakang isu ini, tetapi keprihatinan rakyat Sabah terhadap PSS antara faktor yang menyumbang kemenangan parti UMNO.

Isu pembangunan, kos sara hidup, kemudahan asas infrastruktur, lebuh raya Pan-Borneo dan peluang pekerjaan antara isu besar yang mendapat perhatian semasa medan berkempen dibuka dalam PRK kali ini. Isu-isu ini lebih bersifat tempatan dan kenegerian serta ekonomi masyarakat di Sabah. Ianya telah mendarangkan kesan rantaian dan sampingan yang menjelaskan kehidupan masyarakat terutamanya kepada sebilangan besar rakyat di Sabah yang dikategorikan sebagai golongan berpendapatan rendah, sederhana dan miskin serta miskin

tegar. Hal ini menuntut rakyat sangat memerlukan bantuan dan sokongan dalam meneruskan kehidupan ketika kesempitan ekonomi dan peluang pekerjaan. Usaha kerjaan negeri dilihat masih terbatas dan terhad bagi memastikan jaminan kelangsungan hidup rakyat terbela. Pentas ceramah umum, berkelompok, perayu undi dan poster atau banting membuktikan isu pembangunan masih mendapat tempat dan pengaruhnya yang tersendiri bagi meraih undi. Menurut Ghazali (2006) politik pembabgunan dan identifikasi politik masih lagi kuat terutamanya terhadap parti-parti politik awal yang dikenali sejak lama seperti UMNO. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan UMNO di Kimanis yang boleh dilihat dari aspek idsentifikasi parti.

Pemerhatian terhadap perjalanan dan kempen semasa PRK Kimanis telah memberi satu signal terhadap kepimpinan negeri dan pusat agar tidak mudah atau memandang ringan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat, rakyat dan hak negeri Sabah. Pentas ceramah dan poster disajikan dengan isu-isu yang memperlihatkan kepentingan rakyat Sabah seharusnya dijaga dan dipelihara tanpa ada kompromi serta tolak ansur. Temubual dengan beberapa pengundi dan masyarakat di Kimanis juga secara jelas menunjukkan betapa isu yang berkaitan dengan Sabah sangat dekat kepada mereka.

Isu royalti minyak dan MA 63 juga mendapat tempat dan perhatian ketika kempen PRK Kimanis kali ini. Dua isu ini dilihat sebagai isu yang ‘wajib’ ketika pilihara baik dalam PRN, PRU ataupun kali ini PRK yang menuntut perhatian dan tindakan oleh pihak yang memegang tampuk pemerintahan di peringkat negeri dan pusat. Oleh itu permintaan dan desakan terhadap kerajaan Pakatan Harapan di peringkat pusat dan Warisan di peringkat negeri kedengaran semasa kempen ini. Ini bagi mamastikan hak Sabah dipelihara dan dijamin oleh pihak kerajaan yang memegang kuasa.

Hubungan pusat – negeri juga mendapat perhatian dalam kempen terutamanya dari aspek keseragaman dan penyelarasannya antara pusat dan negeri dalam konteks pembangunan dan bantuan terhadap rakyat. Pihak yang bertanding terutamanya parti UMNO/BN dan Warisan/PH masing-masing memperlihatkan betapa kepentingan hubungan yang baik bagi mamastikan jaminan pembangunan di Sabah dapat diteruskan dan dipertingkatkan. Oleh itu, kedua-dua pihak berkempen dengan memberi penekanan dari sudut pandang parti politik yang diwakili. Sebagai contoh, di pihak UMNO menekankan bahawa pemimpinan negeri dan pusat masih kurang usaha untuk membawa pembangunan dan bantuan terhadap rakyat Sabah manakala di pihak Warisan/ PH pula memberi perhatian betapa pentingnya usaha kerjaan negeri dan pusat yang sehaluan fahaman politik untuk membawa pembangunan dan bantuan kepada rakyat Sabah.

Secara umumnya pelbagai isu yang mendasari proses kempen dalam PRK Kimanis kali ini. Kesemua isu-isu ini telah diolah oleh parti politik yang bertanding mengikut sudut pandang parti politik mereka. Ini bagi mastikan sokongan dan undian pengundi memihak kepada mereka dan seterusnya dapat mencapai kemenangan dalam PRK ini. Demokrasi dan pilihnaraya yang berprinsipkan dan berpaksikan rakyat (Ationg, Esa, Ibrahim & Abdul Muis, 2020) telah memberikan nilai kepada undian rakyat atau pengundi untuk memilih wakil rakyat di sesuatu kawasan yang dipertandingan. PRK Kimanis adalah bukti ini yang akhirnya pengundi di P176 membuat keputusan undi dengan memberi kemenangan kepada Mohammad Alimin dari partai UMNO/BN sebagai pemenang dengan mengalahkan Karim Bujang daripada partai Warisan dengan majoriti 2,029 undi. Isu-isu yang didendangkan dengan irama yang berbeza oleh parti politik yang bertanding menjadi panduan atau asas kepada pengundi untuk

membuat pilihan mereka dan akhirnya keputusan majoriti akhirnya diangkat sebagai pemenang.

PRK Kimanis kali ini dapat dianalisis secara ringkas berdasarkan sentimen umum oleh pengundi yang memperlihatkan kecenderungan pengundi terhadap pola undian mereka. Sentimen terhadap hak Sabah adalah sangat tinggi dan sangat signifikan dalam PRK Kimanis kali ini. Sentimen ini dapat dilihat menerusi isu-isu yang bersifat tempatan dan kenegerian seperti isu PSS. Isu ini tidak dapat dinafikan telah disebar luaskan ketika PRK ini oleh parti politik yang bertanding terutamanya oleh parti UMNO/BN. Isu ini dilihat dapat menggugat hak peribumi dan rakyat serta kedaulatan negeri Sabah apabila pandatang asing diberikan pas sementara iaitu PSS. PSS pada dasarnya adalah mekanisme untuk mengatasi masalah kebanjiran pendatang asing ke Sabah dan kehadiran mereka dapat direkodkan serta dikenalpasti tetapi ianya telah mendatangkan rasa kurang senang dan selesa rakyat Sabah kerana ianya boleh memberi kesan sebaliknya. Oleh itu, isu ini telah menjadi isu utama dalam PRK ini dan ianya menjadi lebih bersentimen terhadap rakyat Sabah. Walaupun PSS ini telah ditarik balik untuk dilaksanakan tetapi sentimen terhadap isu ini telah memberi kesan besar terhadap pola pengundian di Kimanis.

Isu Pas Sementara Sabah (PSS) ini yang akan berkuatkuasa pada 1 Jun 2020 hangat dibincang dan diperdebatkan dalam siri-siri ceramah dan kempen PRK Kimanis. Pelaksanaan PSS ini telah mendapat bantahan banyak pihak terutamanya dari parti-parti politik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan yang bangkit menyuarakan bantahan terhadap perlaksanaan PSS.

Selain sentimen yang berkaitan dengan isu PSS, isu pembangunan dan sara hidup juga dilihat dapat menimbulkan sentimen terhadap rakyat Sabah terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi. Sentimen yang membenggu sekian lama rakyat Sabah dengan label kemiskinan dan kemunduran serta kemudahan asas yang kekurangan telah mendorong masyarakat Sabah menilai sentimen ini dari aspek kepentingan dan manfaat kepada mereka. Oleh itu, perasaan kecewa dan kurang berpuas hati telah mendorong sentimen ini muncul ditengah-tengah kehangatan kempen PRK Kimanis ini. Rakyat Sabah mungkin sudah bosan dan beremosi dengan kedudukan taraf ekonomi mereka dan kemudahan asas seperti jalan raya bertar, air, elektrik dan jalur lebar yang dilihat masih kekurangan. Ini mendorong sentimen ini berada digelanggang kempen PRK Kimanis bagi menyampaikan mesej kepada pihak atau kepimpinan yang berkaitan untuk memastikan ianya dapat dipertingkatkan.

PRK P185 Batu Sapi: Isu COVID-19 dan Darurat

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menerusi kenyataan akhbar menjelaskan bahawa beliau telah diterima menghadap Yang di-Pertuan Agong untuk menyembah maklum nasihat kabinet supaya Seri Paduka Baginda mengisytiharkan darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan di Parlimen Batu Sapi. "Bertindak atas nasihat Jemaah Menteri, Seri Paduka Baginda Tuanku telah berkenan untuk mengisytiharkan darurat bagi kawasan Batu Sapi dan memasyhurkan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2020 yang membolehkan Pilihan Raya Kecil Batu Sapi yang dijadualkan 5 Disember 2020 dibatalkan dan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditentukan kelak.

Memandangkan PRK P185 Batu Sapi dibatalkan ekoran pengisytiharan proklamasi darurat, maka perbincang akan tertumpu kepada kenyataan yang berkaitan dengan darurat dan

kaitannya dengan pilihanraya terutamanya tentang Batu Sapi. Menurut Pengurus SPR, ketatapan tarikh baharu Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Batu Sapi akan ditentukan semula setelah darurat ditarik balik oleh kerajaan. Ini bermakna bahawa semua urusan berkaitan PRK Batu Sapi akan ditangguhkan sehingga satu tarikh baharu ditetapkan iaitu selepas darurat ditarik balik. Walaupun PRK tidak dapat diadakan tetapi parti-parti politik sentiasa memikirkan strategi bagi menghadapi pilihanraya ini selepas darurat ditamatkan. Sebagai contoh, parti UMNO Batu Sapi telah menyatakan keyakinannya untuk memenangi PRK Batu Sapi. Ketua UMNO Bahagian Batu Sapi, Datuk Samsudin Yahya berkata pihaknya yakin dengan persediaan jentera dan kerja keras menerusi pelbagai program yang dilaksanakan setiap minggu mampu memenangi hati pengundi dan membawa kejayaan kepada calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya nanti.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menerusi kenyataan akhbar susulan pengisytiharan darurat menegaskan bahawa pentadbiran kerajaan, kegiatan ekonomi dan aktiviti sosial dapat diteruskan tertakluk kepada amalan norma baharu dan peraturan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang sedang berkuat kuasa di Sabah. Beliau turut menambah bahawa kehidupan rakyat di Batu Sapi tidak akan terjejas dengan pengisytiharan darurat ini dan tidak ada perintah berkurung atau pemerintahan ala tentera di Batu Sapi. Kerajaan telah mengambil kira lima faktor utama PRK Batu Sapi perlu dielakkan iaitu atas faktor ancaman terhadap kesihatan awam, kekangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mendapatkan petugas pilihan raya, pergerakan rentas daerah dalam kalangan petugas pilihan raya dan pengundi tidak dapat dielakkan, kebimbangan risiko jangkitan dalam kalangan pengundi terutamanya warga emas dan yang terakhir kesan ke atas kehidupan sosial dan ekonomi penduduk di Batu Sapi sekiranya penularan COVID-19 berlaku secara mendadak selepas PRK tersebut.

Manakala bagi Parti Warisan Sabah (Warisan) pula berharap kerajaan dapat mencari jalan terbaik untuk memastikan satu tarikh tertentu dapat ditetapkan bagi menentukan tempoh darurat berakhir di kawasan Parlimen Batu Sapi. Presidennya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata parti berpendapat setiap rakyat di Batu Sapi perlu mempunyai pemimpin yang mewakili mereka dan membawa isu-isu rakyat di Parlimen. Warisan berharap hak rakyat Batu Sapi untuk memilih wakil rakyat ditunaikan sebaik sahaja jangkitan COVID-19 dapat dikawal dan selepas kerajaan menarik balik pelaksanaan darurat. Selain itu, Warisan turut berharap agar dalam tempoh darurat ini, kerajaan memberi jaminan agar kebajikan setiap rakyat di Batu Sapi terutama bantuan makanan dan keperluan harian sentiasa diutamakan kepada rakyat yang memerlukan.

Menjelang tahun 2021, pandemik Covid-19 tidak menunjukkan penurunan tetapi sebaliknya menunjukkan peningkatan yang sangat ketar. Oleh itu, Yang di-Pertuan Agong telah perkenan untuk mengisytiharakan proklamasi darurat seluruh Malaysia sehingga 1 Ogos 2021 setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri. Proklamasi Darurat dilaksanakan bagi membolehkan Ordinan dimasyurkan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 yang memperuntukkan kuasa-kuasa perlu untuk mengekang dan menghalang daripada berlakunya penularan wabak Covid-19 dengan lebih serius di Malaysia. Sepanjang tempoh darurat ini berkuakuasa, semua pilihanraya tidak akan dilaksanakan dan ini termasuk PRK P185 Batu Sapi yang sepatutnya diadakan kerana kematian wakil rakyat di kawasan tersebut. Begitu juga PRK P054 Gerik Perak dan PRK N66 Bugaya, Sabah yang sepatutnya diadakan juga pilihanraya kecil pada 16 Januari 2021 berikutan kematian wakil rakyat di kawasan parlimen dan DUN tersebut. Secara

umumnya, semua proses pilihanraya tidak dapat dilaksanakan baik PRU, PRN atau PRK dan ini termasuklah juga Pilihanraya (PRN) Sarawak yang dijangka berlaku pilihanraya selewat-lewatnya bulan Ogos tahun ini (2021).

Kesimpulan

Secara umumnya adalah jelas PRK P186 Sandakan merupakan kerusi parlimen yang menjadi kubu kuat parti DAP berbanding parti-parti politik lain. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan calon DAP yang berjaya memenangi PRK tersebut dengan majoriti yang lebih besar berbanding PRU ke-14. Ini membuktikan kerjasama dan komitmen parti politik Pakatan Harapan; baik diperingkat pusat dan juga peringkat negeri telah memberi impak yang besar dalam lanskap politik dan pilihanraya terutamanya di Sabah yang akhirnya berjaya diterjemahkan dengan kemenangan dalam PRK P186 ini. Pada masa yang sama juga, persaingan PRK Sandakan ini juga memberi gambaran tentang masa depan politik pembangkang di Sabah terutamanya setelah perpecahan parti Barisan Nasional.

Parlimen P176 Kimanis boleh dianggap antara kubu kuat UMNO di Sabah. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan UMNO mempertahankan kerusi tersebut dengan majoriti yang lebih besar dalam PRK pada 18 Januari 2020 berbanding PRU 14 pada tahun 2008. Pada masa yang sama juga, kemenangan UMNO pada sama dan ketika kedudukannya sebagai parti pembangkang di peringkat negeri Sabah dan juga di peringkat kerajaan pusat. Ini cukup membuktikan pengaruh dan sokongan masyarakat di Kimanis terhadap identifikasi parti UMNO yang diterjemahkan menerusi peti undi pada PRK Kimanis. Potensi untuk UMNO memenangi kerusi parlimen Kimanis pada PRU 15 adalah cerah dan meyakinkan berdasarkan prestasi PRK ini tetapi parti Warisan/PH juga mempunyai peluang adalah bergantung kepada strategi pilihanraya termasuk bentuk kerjasama dengan parti-parti politik, calon, isu, sentimen dan jentera parti. Antara Sandakan dan Kimanis mungkin wujud politik etnik yang menonjolkan kawasan dan sokongan berdasarkan kaum. Menurut Rizal dan Jumat (2002), politik etnik di Malaydia sentiasa wujud dan mendatari lanskap kepartian dan pilihanraya di Malaysia.

PRK P185 tidak dapat diadakan kerana pengisytiharan darurat dan ini merupakan tindakan yang tepat untuk menyekat penularan Covid 19 demi menjaga kesihatan awam terutamanya di negeri Sabah. Pengalaman PRN 16 Sabah pada 26 September 2020 adalah bukti jelas bahawa penularan Covid 19 boleh merebak dengan lebih cepat dan mengancam kesihatan awam. Oleh itu, PRK P185 Batu Sapi ditangguh sehingga tempoh darurat ditamatkan. Di pentas politik dan pilihanraya, persaingan di Batu Sapi dilihat agak seimbang antara parti utama yang bakal bertanding berdasarkan sejarah pilihanraya di kawasan tersebut.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111) dan geran penyelidikan Seed Money PPIB UMS (TPB1901).

Rujukan

- Ationg, R., Ibrahim, M. A., Esa, M. S. and Layapan, M. (2020). Analisis Pola Pengundian dan Scenario Politik Semasa di Malaysia Era Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 Berdasarkan Pilihan Raya Kecil P186 Sandakan, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 60 - 71.

Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. and Abdul Muiz, A. M. R. (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43 - 53.

Berita Harian.com

Bowman, L & Boynton, G. (1974). *Political Behavior & Public Opinion: Comparative Analyses*. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Dewan Masyarakat. (2008). *Edisi Khas PRU Ke-12*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Dewan Masyarakat (2018). *Analisis Khas PRU 14*. Dewan Bahasa & Pustaka: Kuala Lumpur

Ghazali Mayudin. (2006). Demokrasi dan Pilihanraya di Malaysia. Dlm. Gazali, Jamaie, Sity & Zaini. *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. (2002). *Politik Baru Dalam Pilihanraya Umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Riley, M. (1988). *Power, Politics and Voting Behaviour*. New York: Harvester Wheatsheaf.

Rizal & Jumaat (2002). Politik Etnik & Perkembangan Politik Baru. Dlm. *Politik Baru Dalam Pilihanraya Umum*. Bangi: Penerbit UKM.

Sinar Harian.com

Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (2014). *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1955-2013. Pelbagai Isu & Tahun Pilihanraya*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

www.undi.info.com.my

www.spr.com.my